

**ENAKMEN TANAH RIZAB MELAYU KELANTAN DAN  
PEMILIKAN TANAH, 1930–40**  
*(KELANTAN MALAY RESERVE LAND ENACTMENT AND  
LAND RIGHTS, 1930–40)*

NIK HASLINDA NIK HUSSAIN  
Universiti Sains Malaysia  
nlinda@usm.my

**Abstrak.** Analisis dalam makalah ini tertumpu kepada persoalan tentang Tanah Simpanan Melayu di Kelantan (TSM) dari perspektif sejarah dengan meneliti pelaksanaan Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan dari tahun 1930 hingga 1940. Kajian sejarah menunjukkan bahawa 9 daripada 10 bidang tanah milik orang Melayu telah hilang atau dijual kepada bukan Melayu. Pengambilalihan hak milik tanah kepada orang bukan Melayu berlaku sama ada melalui penjualan atau penggadaian tanah merupakan sesuatu yang lazim berlaku di negeri-negeri Melayu. Pentadbir Inggeris telah bertindak dengan memperkenalkan TSM untuk menyekat fenomena ini. TSM mempunyai dua objektif; untuk menyekat tanah orang Melayu berpindah ke tangan bukan Melayu dan untuk menyekat sebarang perundingan terhadap Tanah Rizab Melayu sebagai barang perniagaan dan juga untuk menyelamatkan orang Melayu daripada dibebani hutang melalui urus niaga tanah. Berdasarkan objektif tersebut, dasar TSM adalah untuk memastikan tanah orang Melayu hanya boleh dipindahkan kepada orang Melayu sahaja. Dasar TSM secara rasminya diadakan pada tahun 1913 di negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang pada 1 Januari 1914. Selepas itu, dikuatkuasakan Enakmen Rizab Tanah Melayu di Kelantan (1930), Perlis (1930), Kedah (1931), Johor (1935) dan Terengganu (1941).

**Kata kunci dan frasa:** Tanah Simpanan Melayu, Enakmen Tanah Rizab Melayu, hak milik Melayu, pemindahan hak milik tanah

**Abstract.** *This paper discusses the issue of Malay Reserve Land (MRL) in Kelantan from a historical perspective based on an analysis of the implementation of the Malay Reservation Enactment in Kelantan from 1930 until 1940. Land ownership transfer to non-Malays, whether through mortgage or sale, was a common phenomenon in the Malay States and historical research shows that 9 out of 10 pieces of Malay-owned lands were lost or sold to non-Malays. The rampant transfer of Malay-owned lands to non-Malays was the reason for the introduction of the Malay Reservation Enactment by the English colonial administrators at the time. The enactment has two objectives; to stop land belonging to the Malays from falling into the hands of non-Malays and to prevent Malay reserve land from being used as a business transaction. The*

*enactment ensures that Malay land can be handed over to the Malays only. The MRL enactment was officially created in the states of Selangor, Perak and Negeri Sembilan in 1913, and in Pahang as of 1 January 1914. Subsequently, the MRL was enforced in the states of Kelantan (1930), Perlis (1930), Kedah (1931), Johor (1935) and Terengganu (1941).*

**Keywords and phrases:** *Malay Reserve Land, Malay Reservation Enactment, Malay ownership, land ownership transfer*

## **PENGENALAN**

Berbanding negeri-negeri Melayu yang lain, kegiatan pengambilan tanah di Kelantan sama ada melalui penjualan atau penggadaian tanah petani tidak banyak melibatkan golongan pemodal dan pedagang Cina dan India. Di Kelantan, pemberi pinjaman berketurunan Cina dan India amat kurang. Peranan sebagai pemberi pinjaman sebaliknya dijalankan oleh orang-orang Melayu yang berkemampuan dan berkedudukan mengumpul tanah.<sup>1</sup> Lantaran itu ketegangan sering terjadi bukan di antara kaum tetapi antara sesama Melayu iaitu antara petani dengan golongan atasan Melayu. Oleh sebab itu, untuk mengelak ketegangan itu daripada berterusan dan demi memperkemaskan sistem pemilikan tanah agar tidak terlepas ke tangan orang asing, maka setelah empat tahun Undang-undang Tanah 1926 berjalan, satu lagi undang-undang tanah diluluskan oleh Majlis Negeri Kelantan pada tahun 1930. Undang-undang yang diluluskan pada tahun 1930 itu dinamakan Undang-undang Tanah Rizab Melayu (*The Malay Reservation Enactment, 1930*) atau Enakmen Tanah Rizab Melayu Bil. 18/1930 dan dikuatkuasakan di Kelantan pada 4 November 1930.<sup>2</sup> Undang-undang ini berpaksikan Undang-undang Tanah Rizab Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1913.

Enakmen Rizab Melayu tahun 1913 mempunyai dua objektif, iaitu untuk menyekat sebarang perundingan terhadap Tanah Rizab Melayu sebagai barang perniagaan dan juga untuk menyelamatkan orang Melayu daripada dibebani hutang melalui urus niaga tanah. Jika Perkara 89(2), (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan dirujuk berhubung persoalan Tanah Rizab Melayu, kerajaan-kerajaan negeri boleh mengisytiharkan sesuatu kawasan (iaitu tanah kerajaan yang belum dibuka dan diusahakan) sebagai tanah rizab orang Melayu mengikut undang-undang yang ada, tetapi tertakluk kepada dua syarat, iaitu pertama, perlu diadakan satu kawasan tanah yang belum dibuka atau diusahakan berkeluasan sama dengan kawasan yang diisytiharkan untuk diberi milik kepada umum. Kedua, jumlah kawasan yang dirizabkan untuk orang Melayu dalam sesebuah negeri itu tidak boleh lebih daripada jumlah kawasan tanah yang ada untuk diberi milik kepada umum. Kerajaan negeri juga boleh mengisytiharkan (mengikut

undang-undang yang ada) tanah yang telah dibuka dan diusahakan itu sebagai 'tanah rizab orang Melayu' terhadap tiga jenis tanah iaitu tanah yang diambil oleh kerajaan melalui perjanjian dengan tuan-tuan tanah, tanah yang pemilik-pemiliknya telah membuat permohonan supaya mengisytiharkan tanah itu sebagai Tanah Rizab Melayu, dan tanah yang serupa jenis dan sama luasnya dengan Tanah Rizab Melayu yang telah tamat tempohnya menjadi Rizab Melayu. Walaupun kerajaan negeri dibenarkan mengisytiharkan sesuatu tanah sebagai Tanah Rizab Melayu tetapi pengisytiharan itu tidak boleh dibuat jika hak milik dan kepentingan tentang tanah itu berada pada orang bukan Melayu.

Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, undang-undang tersebut dibuat pada waktu itu bertujuan hanya untuk memelihara serta mengekalkan tanah bagi orang-orang Melayu yang ingin mengusahakan padi dan untuk menjamin supaya permintaan tanah bagi penanam padi untuk orang Melayu pada masa hadapan tetap mencukupi (Roff 1967). Di samping itu, ia bertujuan untuk mengatasi masalah kehilangan hak milik tanah orang Melayu kepada bukan Melayu.<sup>3</sup> Namun begitu, perlu difikirkan sejauh mana keikhlasan British dalam menjaga kepentingan orang Melayu. Perkara ini sering dipersoalkan oleh orang Melayu.

### **PELAKSANAAN ENAKMEN TANAH RIZAB MELAYU KELANTAN, 1930**

Ada sarjana berpendapat enakmen tersebut memang baik, tetapi masih tidak berupaya untuk memastikan setiap orang Melayu memiliki tanah dan mengekalkan hak milik secara berterusan. Ini terbukti di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pengambilan tanah petani oleh golongan pedagang Cina dan India masih banyak berlaku; Enakmen Tanah Rizab Melayu tidak banyak membantu meningkatkan kedudukan pemilikan tanah oleh orang Melayu. Ia hanya meluaskan jurang antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu dari segi pemilikan tanah.<sup>4</sup> Walau bagaimanapun, jurang antara kaum ini agak terbatas di negeri Kelantan terutama dengan adanya undang-undang Tanah Rizab Melayu di negeri itu. Kelantan agak berbeza daripada negeri-negeri lain, terutamanya dari segi ekonomi. Memang tidak dapat dinafikan terdapat ramai orang yang berhutang di negeri itu, akan tetapi pemberi pinjaman wang daripada orang berketurunan Cina atau India kurang terdapat di Kelantan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.<sup>5</sup>

Malah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, pelaksanaan Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930 di negeri Kelantan agak berkesan. Sebarang tanah di negeri itu yang hendak dipindah milik kepada sesiapa sahaja yang 'bukan rakyat jati Kelantan' mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Raja dan Majlis Negeri.<sup>6</sup> Hal ini bermakna di Kelantan, tidak ada tanah diberi milik kepada

sesiapa sahaja yang bukan rakyat jati Kelantan<sup>7</sup> tanpa persetujuan raja dan Majlis Negeri. Malah dalam Enakmen Tanah Rizab Melayu, 1930 juga terdapat peruntukan takrif perkataan 'Melayu'. Antaranya disebutkan:

Malay, means a person belonging to any Malayan race who speaks any Malayan language and professes the Mohammedan religion, and shall include (a) the Majlis Ugama Islam (b) the Official Administrator when acting as administrator or trustee of estate of a deceased Malay.<sup>8</sup>

Di bawah enakmen ini raja mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan sebagai kawasan rizab Melayu.<sup>9</sup> Perkembangan berikutnya memperlihatkan banyak kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan rizab Melayu terutama di bahagian utara negeri Kelantan. Kawasan-kawasan selatan negeri itu terutama yang telah diberi konsesi kepada Syarikat Pembangunan Duff tidak diisytiharkan sebagai rizab Melayu kerana berpegang kepada peruntukan perjanjian pada 10 Oktober 1900.<sup>10</sup>

Jelas bahawa menurut Seksyen 13A Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930, mana-mana tanah dalam kawasan rizab Melayu boleh dipindah milik kepada orang-orang bukan Melayu hanya dengan mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa negeri atau Raja dalam Mesyuarat (*Ruler-in-Council*). Walau bagaimanapun, bagi tanah-tanah yang telah diperolehi sebelum kawasan itu diisytiharkan sebagai kawasan rizab Melayu adalah dikecualikan daripada peruntukan ini menurut Seksyen 13A(iii).<sup>11</sup> Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930 yang mengandungi 14 fasal itu dilihat cuba membataskan orang-orang asing daripada memiliki tanah negeri Kelantan.

Menurut David S. Y. Wong, terdapat perbezaan antara pengertian 'Melayu' di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dengan apa yang diperuntukkan bagi negeri Kelantan. Wong mendefinisikan 'Melayu' sebagai *a person belonging to any Malayan race who habitually speaks the Malay language or any Malayan language and professes the Muslim religion*, sedangkan di dalam *The Kelantan Enactment* menurut beliau, *left out the specific reference to the Malay language* (Wong 1977, 512). Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa Enakmen Rizab Melayu Kelantan, 1930 mengandungi perkataan 'Melayu' yang ditakrifkan sebagai seorang daripada mana-mana bangsa 'Melayu' yang bercakap mana-mana bahasa 'Melayu' dan menganut agama Islam dan hendaklah termasuk Majlis Agama Islam sebagai pentadbir rasmi apabila bertindak sebagai pemegang amanah bagi harta pusaka si mati orang Melayu sepertimana yang terkandung dalam Seksyen 2, Enakmen Rizab Kelantan, 1930.

Sebenarnya penggunaan istilah 'Melayu' di Kelantan agak terbatas dan terhad jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain kerana adanya istilah *native of Kelantan* (anak kelantan), sebagaimana yang terkandung dalam bab keempat Enakmen Rizab Kelantan, 1930 itu. Walau bagaimanapun dalam banyak kes, peruntukan *native of Kelantan*, meragukan. Keraguan biasanya timbul apabila ia melibatkan kes-kes pengambilan anak angkat daripada bangsa lain untuk dijadikan anak angkat. Anak angkat tersebut kemudiannya dijadikan seorang Melayu dengan diberi nama Melayu, memeluk agama Islam dan menuruti adat istiadat Melayu. Hal ini bermakna anak angkat tersebut telah termasuk dalam takrif 'Melayu' dan *native of Kelantan* sepertimana yang terkandung dalam Seksyen 13, Enakmen Rizab Melayu Kelantan, 1930. Keraguan mulai timbul apabila ia melibatkan pindah milik tanah tertentu. Hal ini kerana pihak mahkamah boleh mengisytiharkannya sama ada ia bukan seorang Melayu dan bukan seorang *native of Kelantan* atau sebaliknya.<sup>12</sup>

Walaupun bagaimanapun, menurut Seksyen 20, Enakmen Tanah Rizab Melayu (*Federated Malay States*), bab 142 dan Seksyen 13, Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan, 1930, semua enakmen yang terdapat di setiap negeri perlu merujuk kepada pihak berkuasa negeri atau kepada Raja dalam Mesyuarat (*Ruler-in-Council*) apabila berlaku keraguan dalam membuat keputusan berhubung status Melayu atau bukan Melayu. Justeru, sebarang urusan niaga tanah yang dibuat oleh seorang *native of Kelantan* kepada seseorang yang bukan *native of Kelantan* jika dibuat tanpa kebenaran raja dalam mesyuarat [melainkan dalam kes cagaran kepada Menteri Kewangan, Majlis Amanah Rakyat, Pemegang Amanah, Lembaga (penanaman semula), perusahaan getah dan bank-bank] akan dianggap sebagai batal.<sup>13</sup>

Selain itu, Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan juga memperuntukkan bahawa tanah pegangan Melayu seperti dalam Seksyen 7(i), 13A(i)(b) dan (c), Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan, 1930 menyebutkan segala urusan niaga dan sekatan-sekatan terhadap Tanah Rizab Melayu tanah milik pegangan Melayu tidak boleh dipindah milik,<sup>14</sup> dan digadai<sup>15</sup> kepada orang bukan Melayu.<sup>16</sup> Seksyen 8, Enakmen Tanah Rizab Melayu pula tidak membenarkan membuat apa-apa suratcara urusan berkenaan dengan tanah pegangan Melayu kepada mana-mana orang yang bertindak di bawah wakil (*power of attorney*) jika orang itu bukan orang Melayu. Enakmen ini juga melarang meletakkan hak tanah pegangan Melayu kepada pegawai pemegang harta atau pegawai penerima apabila tuan punya itu mufliis dan dilarang menyempurnakan perintah daripada mana-mana mahkamah. Bahkan tanah tersebut dilarang daripada dijual atas permintaan pemegang gadaian.<sup>17</sup>

Tegasnya Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan dan juga enakmen-enakmen Tanah Rizab Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang lain

seperti Terengganu, Kedah, Perlis dan Johor<sup>18</sup> memperuntukkan semua urusan dan segala percubaan untuk melepaskan mana-mana Tanah Rizab Melayu atau tanah pegangan Melayu atau mana-mana dokumen atau perjanjian yang bermaksud untuk meletakkan hak kepada mana-mana orang, apa-apa hak atau kepentingan atas Tanah Rizab Melayu yang bertentangan dengan peruntukan tersebut dianggap tidak sah.<sup>19</sup>

Justeru, di bawah Seksyen 13A(iii) Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan, 1930 sebarang urus niaga terhadap Tanah Rizab Melayu ada yang perlu mendapat kelulusan Raja dalam Majlis Mesyuarat dan ada yang dikuatkuasakan tanpa persetujuan Raja dalam Majlis Mesyuarat. Misalnya apabila sebidang tanah yang terletak dalam kawasan rizab Melayu telah didaftarkan atas nama seorang bukan Melayu (tetapi tanah itu diperoleh sebelum wujudnya Enakmen Tanah Rizab Melayu, 1930) maka dia boleh memindah milik atau memajak tanah itu kepada orang bukan Melayu. Bagi kes seperti ini, urus niaga boleh dikuatkuasakan tanpa mendapat persetujuan Raja dalam Majlis Mesyuarat (*Ruler-in-Council*).<sup>20</sup> Akan tetapi sekiranya sekali lagi tanah itu berpindah milik daripada orang bukan Melayu kepada orang Melayu atau dipajakkan kepada orang Melayu, orang Melayu yang didaftarkan sebagai pemilik tanah itu tidak boleh lagi memindah milik atau memajak tanah tersebut kepada orang bukan Melayu tanpa mendapat kelulusan daripada Majlis Raja-raja.

Walau bagaimanapun takrifan yang lebih jelas mengenai *native of Kelantan* terdapat pada Enakmen Tanah Kelantan, 1938.<sup>21</sup> Walaupun Enakmen Tanah Kelantan 1938 tersebut nampak ketat tetapi sebenarnya tidak. Hal ini kerana melalui peruntukan *native of Kelantan*, seseorang bukan Melayu di Kelantan diberi layanan sebagai seorang Melayu sepertimana yang terkandung pada Seksyen 2(e) Enakmen Tanah Kelantan, tahun 1938. Peruntukan *native of Kelantan* dalam enakmen tersebut termasuklah mana-mana orang daripada bangsa apa pun yang telah dilahirkan di Kelantan dan bapanya (daripada apa-apa bangsa) yang juga dilahirkan di Kelantan. Peruntukan ini bukan sahaja terdapat pada Enakmen Tanah Rizab Melayu di Kelantan tetapi juga terdapat dalam Enakmen Rizab Melayu Kedah dan Perlis yang memberi layanan sebagai orang Melayu kepada orang Siam. Jika dikaji secara terperinci, peruntukan *native of Kelantan* dalam Enakmen Tanah Kelantan, 1938 boleh menjejaskan matlamat enakmen itu sendiri. Bahayanya apabila seorang yang berbangsa Cina, Siam atau India misalnya, walaupun tidak boleh bercakap Melayu dan tidak beragama Islam, boleh memiliki tanah di Kelantan asalkan dia dan bapanya dilahirkan di negeri itu.

Secara zahirnya Enakmen Tanah Rizab Melayu sama ada di negeri Kelantan (yang menekankan kepada perkataan 'Melayu' dan *native of Kelantan*) mahupun di negeri-negeri Melayu lain sememangnya memperlihatkan bahawa undang-

undang tersebut menetapkan kawasan Tanah Rizab Melayu diperuntukkan khas kepada orang-orang Melayu bagi melindungi hak mereka dan menyekat bangsa asing daripada memilikinya melalui penjualan dan juga penggadaian tanah. Hal ini kerana sekiranya kegiatan tersebut tidak dibendung, ia akan membahayakan orang Melayu sendiri kerana mereka pasti kehilangan tanah. Oleh sebab itu, Undang-undang Tanah Rizab Melayu menetapkan bahawa bangsa asing hanya boleh menyewa atau membeli tanah sekiranya Ketua Jajahan dan Pesuruhjaya Tanah yakin bahawa mereka benar-benar jujur menghendaki tanah. Dengan itu mereka wajib mendapat kebenaran sultan melalui Majlis Negeri terlebih dahulu sebelum boleh memilikinya. Ertinya seseorang yang ingin memiliki tanah mestilah mengikut saluran-saluran dan cara-cara yang tertentu. Misalnya permohonan hendaklah dibuat di Pejabat Tanah dan tanah yang diberi milik akan diukur dan didaftarkan di Pejabat Tanah. Dengan itu setiap pemilik akan mendapat hak milik yang tidak boleh disangkal dan dipersoalkan. Perkara ini bermakna Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan telah memperkenalkan satu bentuk pemindahan hak, iaitu hak milik terhadap tanah dan kepentingan ke atasnya bergantung pada pendaftaran dan bukannya ke atas instrumen di antara pihak-pihak yang terlibat. Instrumen itu (seperti persetujuan atau perjanjian untuk menjual atau memajak tanah dan sebagainya) digunakan sebagai cara untuk mendapatkan atau memperoleh pendaftaran, tetapi ia tidak memberi kesan kepada tanah sehinggalah ia didaftarkan.

Malah dengan adanya penguatkuasaan Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan, 1930 sekurang-kurangnya dapat mengelak tanah-tanah di negeri Kelantan daripada diserahkan kepada orang asing secara berleluasa memandangkan terdapat usaha orang asing mengambil kesempatan melalui sogokan wang atau tipu helah<sup>22</sup> supaya pemilik menyerahkan tanah mereka. Justeru walaupun hak milik Tanah Rizab Melayu kekal dengan nama Melayu sebagai pemilik *de jure*, tetapi penguasaan dan pemilikinya sudah bertukar tangan kepada orang bukan Melayu sebagai pemilik *de facto*.<sup>23</sup>

Berdasarkan penjelasan di atas, difahamkan bahawa tujuan undang-undang Tanah Rizab Melayu adalah untuk melindungi hak milik orang Melayu daripada terlepas ke tangan kepada orang luar.<sup>24</sup> Dapatlah dikatakan demi menyelamatkan pengambilan tanah yang berleluasa oleh pelabur asing dan untuk kebajikan orang Melayu melawan pencerobohan orang-orang asing, maka kerajaan Kelantan mengambil beberapa tempat yang sesuai di bahagian-bahagian lain negeri itu untuk diumumkan sebagai Tanah Rizab Melayu. Antaranya sebahagian besar daripada bandar Kota Bharu termasuk dalam kawasan Tanah Rizab Melayu. Selain itu, ada beberapa kawasan di jajahan Pasir Mas,<sup>25</sup> Pasir Puteh<sup>26</sup> dan Hulu Kelantan<sup>27</sup> yang diisytiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu. Justeru orang bukan Melayu yang menjadi rakyat Kelantan hanya boleh memiliki tanah di kawasan Melayu jika ada persetujuan daripada sultan dalam majlis atau Majlis Kerja

Negeri. Maka jika ada rakyat bukan Melayu yang dapat memiliki tanah di kawasan itu tentunya mereka telah mendapat persetujuan daripada Majlis Kerja Negeri. Hal ini bermakna peruntukan tersebut memberi jaminan kepada orang Melayu terutama perkara-perkara berkaitan dengan kepentingan mereka ke atas tanah. Dengan demikian ia dapat menyekat mana-mana bahagian daripada tanah kerajaan yang "dirizabMelayukan" itu daripada diberi milik, digadai, dan dilupuskan dengan apa cara sekalipun kepada orang-orang bukan Melayu. Namun begitu, pemberian Lesen Tumpangan Sementara bagi tempoh tidak lebih daripada satu tahun boleh diberi kepada bukan Melayu.<sup>28</sup> Jadi, berdasarkan objektif Tanah Rizab Melayu tersebut, kajian ini akan melihat sejauh mana kemampuan enakmen ini dalam menjaga kepentingan masyarakat Melayu dalam pemilikan tanah benar-benar berkesan. Adakah ia benar-benar merupakan satu pendekatan yang positif dalam mengatasi masalah tanah?

Secara keseluruhannya huraian di atas menunjukkan bahawa Tanah Rizab Melayu ialah suatu kawasan tanah yang tertentu yang telah diwartakan khusus untuk orang Melayu sahaja dan orang bukan Melayu tidak boleh memegang apa-apa hak terhadap tanah itu. Ini bererti Tanah Rizab Melayu tidak boleh ditukar hak milik, dipajak dan disewa kepada orang bukan Melayu. Walaupun begitu pada penghujung abad ke-20, mulai timbul persoalan mengapa daripada hampir empat juta hektar Tanah Rizab Melayu di seluruh negara, kini kira-kira 800,000 hektar Tanah Rizab Melayu hilang dan terlepas daripada tangan orang-orang Melayu? Jawapannya jelas sekali iaitu kerana digunakan untuk projek-projek pembangunan negara dan pindah milik terutama di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung.<sup>29</sup> Sebenarnya masalah pindah milik Tanah Rizab Melayu kepada bukan Melayu telah pun berlaku sejak tahun 1920-an. Orang Melayu menjual dan menggadaikan tanah-tanah mereka, khususnya kepada ceti-ceti yang merupakan pemegang tanah-tanah tersebut. Di Perak misalnya, ketua-ketua Melayu di negeri itu membantah perbuatan pemilik-pemilik Tanah Rizab Melayu yang mengadakan perjanjian sulit dengan orang Cina untuk menyewakan tanah mereka.<sup>30</sup> Akibat berleluasanya perbuatan pindah milik kepada bukan Melayu, maka pada tahun 1933 kerajaan telah membuat pindaan ke atas Enakmen Rizab Melayu 1913.<sup>31</sup>

Secara umumnya, kewujudan tanah rizab untuk orang Melayu merupakan satu hak keistimewaan kepada orang Melayu.<sup>32</sup> Oleh sebab itu, di setiap negeri Melayu terdapat undang-undang Tanah Rizab Melayu. Di Terengganu, Tanah Rizab Melayu dikenali sebagai Tanah Pegangan Melayu manakala di Melaka dan Negeri Sembilan pula disebut Tanah Pegangan Adat.<sup>33</sup>

Secara tersurat sememangnya pengisytiharan sesuatu kawasan sebagai Tanah Rizab Melayu adalah semata-mata untuk memastikan supaya tanah tertentu dalam negeri ini diberi milik hanya kepada orang Melayu dan apa-apa



kepentingan di dalamnya akan terus berada di tangan orang-orang Melayu. Namun jika diteliti pada penggubalan Enakmen Rizab Melayu tahun 1913<sup>34</sup> yang dibuat oleh pegawai-pegawai British, ternyata mengandungi maksud tersirat iaitu semata-mata untuk mewujudkan perkampungan Melayu. Buktinya jelas dilihat pada kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu yang terdiri daripada kampung-kampung Melayu, hutan belantara dan kawasan pergunungan di mana kawasan-kawasan itu tidak mempunyai kepentingan ekonomi. Misalnya pada tahun 1923, keluasan Tanah Rizab Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan ialah seluas 1,167,204 hektar. Akan tetapi hanya seluas 588,000 hektar sahaja yang sesuai untuk pertanian. Ini bererti lebih separuh daripada keluasan Tanah Rizab Melayu itu terdiri daripada hutan belantara dan gunung-ganang.<sup>35</sup> Sebaliknya, kampung-kampung Melayu yang mempunyai kepentingan ekonomi seperti di Perak dan Selangor tidak dijadikan Tanah Rizab Melayu.<sup>36</sup> Tanah Rizab Melayu yang diisytiharkan semasa penjajah British itu bukan sahaja terdiri daripada tanah hutan dan gunung-ganang yang terletak jauh di pedalaman dan tidak ada nilai ekonomi, malah kebanyakan tanah-tanah itu dalam kelas tiga, empat dan lima (terletak di luar bandar) kerana pihak pentadbir British tidak pernah merizabkan tanah kelas satu dan dua yang terletak dalam bandar-bandar kecuali di negeri Kelantan.<sup>37</sup> Dasar penjajahan British tersebut memperlihatkan tujuan sebenar mereka iaitu supaya orang Melayu kekal dalam bidang pertanian tradisi dan menyisihkan orang Melayu daripada terlibat dengan industri-industri moden.<sup>38</sup>

Berdasarkan undang-undang Tanah Rizab Melayu juga, diketahui bahawa terdapat tiga kategori tanah.<sup>39</sup> Kategori yang pertama ialah tanah negeri iaitu tanah yang belum diberi hak milik. Tanah-tanah ini hanya boleh diberi milik kepada orang Melayu sahaja. Namun tanah tersebut boleh diambil oleh kerajaan apabila perlu untuk dimajukan. Kedua, tanah yang sudah dimiliki iaitu tanah sawah, tanah kampung yang sudah dibuka lebih daripada 50 tahun atau tanah kampung tinggal dan tanah kebun. Tanah-tanah ini tidak boleh diniagakan dengan orang bukan Melayu tetapi dibenarkan dipajak tidak lebih daripada tiga tahun. Pemiliknya juga masih boleh menjual tanah tersebut kepada orang bukan Melayu sekiranya mendapat kebenaran Raja di dalam Majlis Mesyuarat atau memohon mengeluarkan tanahnya daripada kawasan rizab Melayu. Ketiga, tanah yang dimiliki orang bukan Melayu sebagai pemilik berdaftar. Walaupun tanah tersebut berada di dalam kawasan rizab Melayu, tetapi ia tidak tertakluk di bawah kuat kuasa Enakmen Tanah Rizab Melayu. Malah pelaksanaan enakmen tersebut tidak mendatangkan sebarang kesan kepada kepentingan orang bukan Melayu walaupun kepentingan tersebut berada dalam kawasan rizab Melayu.<sup>40</sup> Pemilik tanah dalam kalangan orang bukan Melayu<sup>41</sup> yang berada dalam kawasan Tanah Rizab Melayu boleh menjalankan urusan niaga dengan sesiapa sahaja yang disukainya. Dengan itu sekiranya tanah tersebut dijual kepada orang Melayu,

maka tanah tersebut dengan sendirinya menjadi Tanah Rizab dan tidak boleh lagi diurusniagakan dengan bukan Melayu.

Walaupun penjelasan tentang kategori tanah di atas merujuk kepada Enakmen Rizab Melayu 1913, akan tetapi garis panduan itu diguna pakai di negeri Kelantan. Hal ini kerana seperti yang diketahui bahawa Enakmen Rizab Melayu Kelantan, Enakmen Rizab Melayu Kedah dan Enakmen Rizab Melayu Perlis wujud berasaskan model Enakmen Rizab Melayu 1913.<sup>42</sup> Oleh sebab itu, bagi Kelantan, kawasan yang diisytiharkan itu terletak pada Raja dalam Mesyuarat (*Ruler-in-Council*).<sup>43</sup> Kawasan tanah di Kelantan yang boleh dimasukkan dan diisytiharkan sebagai Rizab Melayu menurut Seksyen 4(v) Enakmen Rizab Melayu adalah tanah kerajaan dan tanah di bawah hak milik tetap atau sementara. Peruntukan ini dapat dilihat pada Seksyen 6, Enakmen Rizab Melayu iaitu, *no State Land included in a Malay Reservation shall be sold, leased or otherwise disposed of (otherwise than by Temporary Occupation Licence for a period not exceeding one year) to any person not being a Malay, save as provided in this Enactment*. Akan tetapi perlu diingat bahawa di bawah Seksyen 6 ini ada pengecualiannya seperti yang terdapat pada Seksyen 13A(i)(a) Enakmen Rizab Melayu iaitu:

13A(i)(a) His Highness the Ruler<sup>44</sup> may approve the alienation of any State land included in a Malay Reservation to any other person not being Malay, subject to the imposition of such restriction in interest and such conditions in the document of title and such terms of rent as he may think fit; and the A Proved Application, Memorandum of Transfer or Application for Registration, as the case may be, under the Land Enactment may be registered if presented with a certificate signed by the State Secretary in the form of Schedule.

Walaupun Seksyen 13A(i)(a) memberi peruntukan tersebut kepada orang bukan Melayu namun jika diperhatikan kepada senarai badan-badan yang dibenarkan memiliki Tanah Rizab Melayu oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan di bawah Seksyen 13A(i)(a) tersebut, belum ada lagi individu bukan Melayu yang telah berjaya menikmati faedah daripada seksyen itu. Bagi pemohon yang bukan anak kelahiran Kelantan, untuk melayakkan diri mendapatkan tanah, sama ada Tanah Rizab Melayu atau bukan Tanah Rizab Melayu, mereka hendaklah mendapatkan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Mesyuarat.<sup>45</sup> Oleh sebab itu, sekatan pemberian milikan tanah kerajaan dalam kawasan rizab Melayu seperti yang diperuntukkan di dalam enakmen itu bukanlah merupakan suatu sekatan yang mutlak. Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh meluluskan pemberian milikan tanah kerajaan di kawasan rizab itu.<sup>46</sup>

Selain itu, tanah juga boleh dipindah milikan. Berdasarkan konsep pindah milik bersilang, hak milik boleh dipindahkan kepada orang bukan Melayu. Sekiranya sebidang tanah milikan di dalam kawasan Rizab Melayu yang dipegang di bawah satu dokumen hak milik, dimiliki bersama oleh orang Melayu dan bukan Melayu dan kemudian dokumen hak milik ini dipecahkan dengan tujuan supaya setiap orang boleh memiliki dokumen hak milik yang berasingan. Hak dan kepentingan orang Melayu dalam kawasan rizab Melayu yang dipegang di bawah satu dokumen hak milik boleh dipindah milik kepada orang bukan Melayu dengan mendapat kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan terlebih dahulu. Satu perkara lagi yang perlu diberi perhatian adalah berhubung dengan soal pajakan. Dalam peruntukan Seksyen 6, Enakmen Rizab Melayu 1913 menyebutkan,

Tiada apa jua tanah kerajaan yang termasuk ke dalam satu Rizab Melayu boleh dijual, dipajak atau sebaliknya dilupuskan (selain daripada Lesen Tumpangan Sementara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun) kepada mana-mana orang yang bukannya seorang Melayu, kecuali yang diperuntukkan di dalam enakmen ini.<sup>47</sup>

Perjanjian untuk pajakan daripada orang Melayu kepada orang bukan Melayu walau bagaimanapun boleh dibuat bagi mana-mana tanah yang tidak terletak dalam lingkungan sempadan sebuah bandar yang diisytiharkan di bawah peruntukan-peruntukan enakmen tanah yang dikuatkuasakan di negeri Kelantan. Pajakan itu hendaklah disifatkan sebagai pajakan dari bulan ke bulan yang boleh ditamatkan dengan notis selama satu bulan daripada mana-mana pihak. Pajakan bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun pula hanya boleh didaftarkan apabila pemegang pajakan mengemukakan satu sijil yang ditandatangani Setiausaha Kerajaan kepada Pentadbir Tanah Daerah. Syarat-syarat yang terdapat di dalam pajakan itu yang memberi hak kepada pemegang pajakan untuk memperbaharui pajakan itu sama ada batal atau tidak sah.<sup>48</sup> Maknanya pajakan itu tidak boleh diperbaharui langsung.

Secara keseluruhannya, pelbagai langkah telah diambil untuk menyekat orang Melayu daripada berurusan hal yang bertentangan dengan Enakmen Rizab Melayu yang melibatkan tanah pegangan Melayu dengan orang bukan Melayu. Hakikatnya masih ramai orang Melayu yang tidak mematuhi sekatan ini kerana mereka beranggapan tiada tindakan boleh diambil sama ada ke atas diri mereka sebagai tuan punya tanah atau ke atas tanah yang berkenaan. Oleh sebab itu, jika diperhatikan pada pemberian milikan yang terdapat dalam fail-fail *British Adviser* mahupun fail Pejabat-pejabat Tanah banyak tanah pegangan Melayu menjadi milik bukan Melayu. Pindah milik ini dibuat menerusi surat-surat kuasa wakil (*Power of Attorney*) atau surat-surat perjanjian. Ini terbukti apabila kes ini dibawa ke mahkamah, akhirnya diputuskan bahawa surat kuasa wakil itu adalah batal

atau tidak sah. Misalnya dalam kes Idris bin Haji Mohamed Amin lawan Ng Ah Siew (1935)<sup>49</sup> didapati surat kuasa wakil itu tidak sah. Walau bagaimanapun di Kelantan, jual beli yang dilarang ini sebenarnya mengundang risiko yang tinggi kepada pihak pembeli bukan Melayu. Ini adalah disebabkan dalam Seksyen 12(ii)(b) Enakmen Rizab Melayu mengadakan peruntukan bahawa jika berlaku sebarang kemungkiran kontrak (*breach of contract*) di antara Melayu dan bukan Melayu itu maka kemungkiran ini tidak boleh dibawa ke mana-mana mahkamah. Dengan cara ini sudah pasti orang bukan Melayu itu akan mengalami kerugian. Walaupun orang Melayu tidak berisiko, namun mereka juga berkemungkinan besar akan turut mengalami kerugian dalam jangka masa panjang kerana tidak semua kes yang terlibat berakhir dengan kemungkiran kontrak. Oleh sebab itu, pihak kerajaan perlu mengadakan satu peruntukan yang tegas bagi melarang perkara seperti ini daripada terus berlaku. Misalnya dengan mengadakan peruntukan pelucutan hak ke atas tuan punya tanah yang melakukan jual beli yang melanggar undang-undang seperti mana yang terdapat di Kedah.

Di Kelantan, setelah enakmen baru digubal iaitu Enakmen Tanah Rizab Melayu Bil. 18/1930 yang berpandukan kepada Enakmen Tanah Rizab Melayu Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1913, Duli Yang Maha Mulia Sultan mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu kawasan itu sebagai kawasan rizab Melayu. Setelah sekian lama enakmen itu dijalankan, banyak kawasan yang diisytiharkan kawasan rizab Melayu terutama sekali kawasan-kawasan utara negeri Kelantan. Mukim Kuala Pergau juga telah diisytiharkan sebagai kawasan rizab Melayu pada 14 Jun 1932.<sup>50</sup> Tanah-tanah di jajahan Pasir Mas telah dijadikan Tanah Rizab Melayu di bawah Undang-undang Rizab bagi anak Melayu tahun 1931. Akhir sekali banyak kawasan yang diisytiharkan kecuali kawasan tertentu dalam bandar Kota Bharu, Temangan (kawasan yang asalnya di bawah konsesi Duff) dan Kuala Krai. Kemudian pada 18 Jun 1940 melalui Siaran No. 110 tahun 1940 (lihat fail Setiausaha Kerajaan Kelantan, 211/40), seluruh negeri Kelantan telah diisytiharkan sebagai Rizab Melayu kecuali daerah Batu Mengkebang, Galas, Temangan (kecuali lot 216 hingga 223 bandar Temangan).

Bukan semua kawasan yang dijadikan Tanah Rizab Melayu sesuai untuk pertanian kerana ada kawasan yang diisytiharkan itu berupa kawasan bukit dan kawasan yang kurang membangun; contohnya kawasan utara negeri Kelantan. Sebahagian besar daripada kawasan itu terletak di kawasan perbukitan yang tidak mempunyai penduduk yang ramai. Kawasan penanaman padi di dataran Kelantan yang mempunyai penduduk yang padat pula hanya mempunyai Tanah Rizab Melayu yang sempit; padahal kawasan itulah yang paling sesuai untuk tanaman padi. Jelaslah bahawa British menyediakan Tanah Rizab Melayu bukannya berdasarkan kepentingan tanah atau kawasan itu dari segi kesesuaian untuk pertanian, sebaliknya mengisytihar kawasan yang tidak sesuai untuk diduduki.

Urus niaga atau pindah milik tanah sebenarnya terus berlaku di kawasan Tanah Rizab Melayu, menyekat Seksyen 9A misalnya membolehkan orang asing memegang gadaian tanah di dalam kawasan rizab Melayu. Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan yang bersidang pada 4 Oktober 1938 telah menimbangakan untuk mengeluarkan satu kawasan tanah seluas 180 ekar di Mukim Bendang Nyior Daerah Kursial jajahan Pasir Mas daripada kawasan Tanah Rizab Melayu untuk diberikan kepada pemohon bukan Melayu untuk menanam getah.<sup>51</sup> Di samping itu kes-kes memajak tanah, menggadai atau menukarkan hak milik tanah masih berterusan seperti kes Che Abdullah bin Samat menggadai tanah kepada Tauke Wee Heng Thian dan apabila hutang tidak dapat dijelaskan, tanah terpaksa dijual.<sup>52</sup>

Memajak tanah kepada orang bukan Melayu masih merupakan perkara biasa di kawasan Tanah Rizab Melayu. Walau bagaimanapun, di Kelantan keadaan masih terkawal kerana kegiatan tersebut mesti mendapat kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Satu lagi sikap orang Melayu yang patut dikawal adalah memberi kesempatan kepada pemilik dalam kawasan Tanah Rizab Melayu memohon kepada Majlis Negeri untuk mengeluarkan tanahnya daripada kawasan rizab Melayu dan menjualkannya kepada orang bukan Melayu. Begitu juga tindakan kerajaan yang memberi kebenaran kepada pemberi pinjaman membuat permohonan kepada Majlis Negeri untuk menjual atau melelong tanah-tanah yang tidak ditebus oleh penggadainya.<sup>53</sup> Malah jika jumlah yang memohon untuk menjual tanah sebagai cagaran masih banyak berlaku di negeri Kelantan sekitar tahun 1940-an, walaupun tidak seteruk negeri-negeri Melayu lain. Di negeri-negeri lain seperti Perak, Selangor dan Negeri Sembilan misalnya memperlihatkan kegiatan itu masih merupakan amalan biasa pada tahun 1940-an.<sup>54</sup> Bahkan melalui kegiatan jual beli 'Ali Baba', di mana orang bukan Melayu boleh memiliki tanah tersebut dengan menggunakan nama orang Melayu yang sanggup meminjamkan namanya untuk digunakan dalam pendaftaran hak milik. Dalam satu kes, seorang yang bernama Tengku Samat memohon menjual tanahnya yang dicagar kepada Tauke Wee Hian Thim, untuk menjelaskan hutangnya. Akan tetapi apabila kerajaan menyiasat kes itu, didapati tanah itu bukan milik Tengku Samat tetapi tanah yang diduduki atas Lesen Tumpang Sementara. Tengku Samat hanya pemandu kepada Tauke itu (Nik Abdul Rashid 1971).

Tidak dinafikan kes-kes pindah milik tanah kepada orang bukan Melayu di negeri Kelantan masih berlaku walaupun Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan, 1930 dikuatkuasakan. Namun, dengan adanya enakmen tersebut sedikit sebanyak kehilangan tanah petani dengan sewenang-wenangnya kepada orang asing dapat disekat. Pelbagai langkah telah diambil bagi menghalang penjualan tanah melalui cagaran ataupun cara 'Ali Baba' yang banyak berlaku. Contohnya menjalankan

siasatan ke atas pemohon yang mencurigakan bagi mengelak kehilangan tanah cara 'Ali Baba'.

### **Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan, 1930 dan Pemilikan Tanah**

Berbalik kepada persoalan pemberian hak milik setelah Undang-undang Tanah Rizab Melayu diperkenalkan, didapati seluas 7,799 ekar telah diberi milik sepanjang tahun 1930. Daripada jumlah tersebut, seluas 3,323 ekar telah diberi milik untuk tanaman getah, 1,317 ekar untuk padi dan 3,159 ekar untuk pelbagai jenis tanaman. Ini menjadikan jumlah semua tanah yang telah diberi milik sehingga tahun 1930 adalah seluas 484,388 ekar dengan kutipan hasil masing-masing lebih kurang 13.25% seekar daripada kawasan di negeri itu. Laporan tahunan 1930 menunjukkan kawasan pertanian yang telah diberi hak milik adalah seluas 7,799 ekar, dan daripada jumlah tersebut seluas 1,800 ekar kepada African Oil Palm Co. di sepanjang jalan kereta api antara Gua Musang dan sempadan Pahang untuk tujuan penanaman kelapa sawit. Ini merupakan estet kelapa sawit pertama di negeri Kelantan.<sup>55</sup>

Meskipun Enakmen Tanah Rizab Melayu telah mengehendkan pemberian tanah kepada pengusaha asing, namun masih terdapat pemberian hak milik untuk mengusahakan estet terutamanya kelapa sawit dan getah. Misalnya pada sekitar tahun 1931 tanah seluruh negeri Kelantan yang ditanam dengan getah berjumlah 92,789 ekar. Daripada jumlah tersebut seluas 33,998 ekar milik pengusaha estet manakala bakinya seluas 58,789 ekar milik pekebun kecil.

Namun begitu, sepanjang tahun 1931 tiada pemberian hak milik untuk tanah getah kecuali di bawah permohonan lama; hak milik tanah diberi hanya untuk memenuhi kontrak yang sedia ada. Maksudnya sepanjang tahun ini tanah pertanian yang diberi hak milik adalah seluas 2,049 ekar. Daripada jumlah itu seluas 335.5 ekar adalah untuk tanaman getah telah diberi hak milik (*on old applications*), 1,290 ekar untuk padi dan 423.5% hak milik kepada pelbagai jenis tanaman. Walau bagaimanapun, di daerah Kota Bharu dan Pasir Puteh, tidak banyak tanah yang boleh diberi hak milik kerana kawasan tersebut masih mempunyai hutan dara yang luas. Secara keseluruhannya, luas kawasan yang ditanam berbeza saiznya, bergantung pada jenis tanaman yang diusahakan. Misalnya pada tahun 1931, angka keluasan kawasan tanaman bagi seluruh negeri Kelantan adalah 600 ekar untuk kelapa sawit dan diberi milik kepada African Oil Palm Co., manakala tanah getah seluas 92,789 ekar untuk tanaman getah. Tiada angka yang pasti bagi penanaman padi. Sementara luas kawasan untuk pelbagai tanaman adalah seluas 24,400 ekar dan kawasan kelapa pula seluas 57,271 ekar. Semuanya berjumlah 297,109 ekar.<sup>56</sup>

Dalam hal pengambilan lot-lot tanah untuk diukur bagi mendapat hak milik pula, sebanyak 2,305 lot tanah telah diterima sekitar tahun tersebut. Manakala sebanyak 10,132 lot sedang menunggu untuk diukur, 3,419 lot untuk diambil tindakan dan 677 lot masih ada di Pejabat Tanah untuk penempatan. Walau bagaimanapun hanya 1,880 lot sahaja yang bernasib baik dan berjaya diukur sepanjang tahun. Sementara 1,695 lot lagi dibatalkan.<sup>57</sup> Apa yang ingin didedahkan adalah jumlah lot-lot tanah yang mampu diambil untuk kerja-kerja pengukuran. Hasil kajian ini mendapati masih banyak tunggakan dalam kerja pengukuran tersebut.

Keadaan bertambah jelas apabila kita merujuk surat-surat penduduk tempatan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan dan Penasihat British.<sup>58</sup> Daripada surat-surat tersebut banyak disebutkan tentang permohonan dan rayuan daripada pemilik tempatan supaya hak milik mereka dibicarakan dan diukur. Hal ini kerana tanah-tanah mereka sedikit sahaja diambil untuk diukur. Kebanyakan lot tanah pemilik tempatan berada dalam posisi menunggu untuk diukur. Walaupun pada tahun 1931 jumlah lot tanah yang tertunggak semakin berkurangan iaitu sebanyak 2,000 lot tanah diterima, 8,406 lot menunggu untuk diukur, 2,940 lot di bawah tindakan pejabat, 1,836 lot berada di Pejabat Tanah untuk penempatan dan sebanyak 1,020 lot dibatalkan. Manakala sejumlah 2,026 lot tanah berjaya diukur. Terdapat peningkatan dalam kerja-kerja pengukuran pada tahun 1931 berbanding tahun sebelumnya.<sup>59</sup>

Pada tahun 1931, sejumlah 2,049 ekar telah diberi hak milik untuk kegiatan pertanian. Daripada jumlah tersebut, 335.5 ekar adalah untuk tanaman getah, 1,290 ekar untuk tanaman padi dan 423.5 ekar untuk pelbagai tanaman. Hasil yang berjaya dikumpul pada tahun tersebut ialah sebanyak RM392,053 dan yang utama ialah penjualan tanah. Jumlah keseluruhan tanah yang telah diberi milik ialah seluas 486,437 ekar.<sup>60</sup> Sementara itu, jumlah geran tanah yang didaftarkan sepanjang tahun 1930 hanyalah 116 geran sahaja berbanding jumlah geran yang didaftarkan pada tahun 1931 iaitu sebanyak 185 geran. Perkembangan ini sebenarnya menggambarkan bahawa rakyat Kelantan<sup>61</sup> semakin rancak membuat permohonan untuk memiliki tanah. Meskipun begitu, tanah yang dimiliki bukanlah terdiri daripada kawasan yang luas sepertimana yang dimiliki pengusaha-pengusaha estet. Malah tanah-tanah yang dimiliki itu (selain tapak rumah) hanyalah berupa tanah kampung yang digunakan untuk bertani iaitu tanah-tanah sawah untuk tanaman padi dan tanah-tanah dusun untuk tanaman buah-buahan.<sup>62</sup> Jika diperhatikan lazimnya bidang tanah milik di kampung jauh lebih besar berbanding tanah di bandar.

Untuk meneliti perkembangan pemilikan tanah selepas wujudnya Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan 1930, tumpuan akan diberikan kepada daerah Kota Bharu sahaja (sebagai sampel) kerana hampir seluruh kawasan itu adalah

tertakluk sebagai kawasan rizab Melayu. Di Kelantan, penduduknya didominasi oleh Melayu kelahiran Kelantan. Banci penduduk tahun 1931 menunjukkan bahawa daripada jumlah penduduk seramai 362,622 orang, sejumlah 330,885 orang adalah Melayu.<sup>63</sup> Luas kawasan Kota Bharu pula meliputi 2,685.7 ekar dan mempunyai penduduk berjumlah 238,394 orang.<sup>64</sup> Daripada jumlah penduduk Melayu tersebut, ada perseorangan yang memiliki jumlah tanah yang banyak, biasanya daripada golongan raja dan kerabatnya. Misalnya pada tahun 1934, tanah yang dimiliki raja dan kerabatnya di sekitar bandar Kota Bharu<sup>65</sup> kecil sahaja bilangannya tetapi mempunyai kawasan yang luas. Jadual 1 dapat memperjelaskan lagi tentang sistem pemilikan seperti yang dinyatakan.

**Jadual 1.** Pemilikan tanah di Bandar Kota Bharu, 1934

<b>Pemilik</b>	<b>Bilangan Pemilik</b>	<b>Luas (ekar)</b>	<b>% (ekar)</b>
Raja dan Kerabat	48	256	15.6
Orang Melayu kebanyakan	2,683	1,273	77.3
Cina	54	112.55	6.8
India	8	4.57	0.3
<b>Jumlah</b>	<b>2,797</b>	<b>1,646.12</b>	<b>100</b>

*Sumber:* Dirumuskan daripada kiraan setiap ekar dalam Daftar Milik di Pejabat Tanah Kota Bharu, 1934. Jika dikira berdasarkan kaki persegi, 1 ekar = 43,560 kaki persegi.

Jadual 1 menunjukkan keluasan tanah orang Melayu kebanyakan adalah 1,273 ekar dan golongan raja dan kerabatnya pula memiliki tanah seluas 256 ekar. Berdasarkan senarai pendaftaran milik di Pejabat Tanah Kota Bharu, kajian ini hanya meneliti kawasan seluas 1,646.12 ekar sahaja daripada keseluruhan jumlah keluasan kawasan Kota Bharu dengan merujuk kepada 2,797 orang. Kiraan setiap ekar yang dimiliki pemilik tanah tersebut hanya meliputi sekitar daerah bandar Kota Bharu dan Panji yang terdiri daripada Mukim Padang Garong dan 13 bahagian. Sebahagian besar kawasan yang dikaji ini terdiri daripada kawasan rizab Melayu kecuali bahagian 9, 10 dan 11 yang tidak termasuk sebagai kawasan simpanan. Jumlah pemilik tanah di daerah tersebut sebahagian besarnya terdiri daripada orang Melayu kebanyakan iaitu seramai 2,683 dengan pemilikan tanah seluas 1,273 ekar. Golongan raja dan kerabatnya pula hanya 48 orang sahaja dengan keluasan tanah 256 ekar, orang Cina seramai 54 orang dan India berjumlah 8 orang sahaja. Di antara jumlah pemilik tanah ini, golongan raja dan kerabatnya yang kecil jumlahnya tetapi memiliki tanah yang jauh lebih besar jumlahnya berbanding bilangan pemiliknya. Kajian ini mendapati kawasan tanah rizab di Kota Bharu bukan sahaja dimiliki oleh orang Melayu bahkan juga dalam kalangan bukan Melayu memiliki tanah dalam kawasan tersebut.

Justeru, Jadual 1 memberi gambaran tentang pemilikan tanah yang tinggi dalam kalangan orang Melayu. Sebenarnya keluasan tanah yang dimiliki adalah berbeza-beza. Orang Melayu kebanyakan memiliki tanah di semua bahagian dan juga di daerah Panji. Namun, golongan raja dan kerabatnya memiliki lebih



banyak tanah di bahagian 2, 3, 6, 7, 8, 9, 11, 12 dan 13. Orang Cina memiliki hampir semua bahagian terutama bahagian 1 dan India pula tertumpu di bahagian 9 dan 10. Ini bermakna orang Cina dan India juga memiliki tanah di bahagian-bahagian yang dikanunkan sebagai kawasan rizab Melayu. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh peraturan yang membolehkan orang bukan Melayu memiliki tanah di kawasan Melayu jika ada persetujuan daripada Raja (Sultan) dalam Majlis Kerja Negeri. Tentunya mereka telah mendapat persetujuan daripada Majlis tersebut. Dari segi keluasan tanah yang dimiliki, dalam kalangan orang Melayu kebanyakan terdapat lebih daripada seorang memiliki satu ekar tanah, ada juga yang memiliki satu ekar dan lebih daripada satu ekar tanah sama ada dalam bahagian yang sama atau berlainan.<sup>66</sup> Menurut kajian ini, kebanyakan orang Melayu iaitu kira-kira 85% dan orang Cina kira-kira 80.1% memiliki hanya satu ekar tanah atau disebutkan "sebidang tanah". Walau bagaimanapun, golongan raja dan kerabatnya memiliki tanah yang lebih luas, misalnya Tengku Ibrahim ibni Sultan Mohammad (Yang Teramat Mulia Raja Kelantan) memiliki lot nombor 3/535 di belakang Kota, mukim Padang Garong daerah Panji seluas 101 ekar 418 depa, Tengku Cik bin Raja Muda, di Penambang memiliki lot nombor 37, mukim bahagian 2 daerah bandar Kota Bharu memiliki tanah seluas 8 ekar 949 depa; dan Tengku Bongsu binti Sultan Ahmad memiliki tanah seluas 8 ekar 519 depa di mukim bahagian 12 daerah bandar Kota Bharu.<sup>67</sup> Walau bagaimanapun, untuk keseluruhan jajahan Kota Bharu mengikut data-data yang ada di Pejabat Tanah dan Ukur Kota Bharu, sekitar tahun tersebut kira-kira 92.7% tanah di jajahan itu adalah milik orang Melayu, berbanding 3.9% orang Cina, 0.02% orang Eropah, dan 3.2% bangsa-bangsa lain. Jumlah pemilikan Melayu yang tinggi ini mungkin disebabkan oleh faktor bahawa hampir seluruh kawasan Kota Bharu adalah kawasan Tanah Rizab Melayu.

Terdapat beberapa cara rakyat tempatan mendapatkan hak milik tanah. Antaranya ialah memohon tanah kerajaan, membeli tanah daripada seseorang, mewarisi pusaka atau memperolehnya daripada peminjam yang menggadaikan tanah mereka.<sup>68</sup> Pada hakikatnya tidak dapat dinafikan lagi bahawa di antara tahun 1938 hingga 1941, jumlah pemilikan tanah dalam kalangan orang Melayu semakin meningkat. Buktinya, jumlah tanah yang dimiliki berdasarkan pengiraan daripada daftar milik tanah di Pejabat Tanah Kota Bharu, Pejabat Tanah Kuala Krai, Pejabat Tanah Pasir Puteh dan juga Pejabat Tanah Pasir Mas pada tahun 1938 mendapati kira-kira 72.3% orang Melayu sudah memiliki tanah dengan purata keluasan satu hingga lima ekar.

Sebenarnya, bilangan orang yang berjaya membeli tanah adalah kecil. Meskipun begitu, terdapat segolongan yang asalnya tidak memiliki apa-apa tetapi telah dapat menyimpan pendapatan mereka yang kecil untuk membeli tanah walaupun tanah yang dibeli tidaklah begitu luas. Lazimnya peluang untuk membeli tanah terbuka kepada mereka yang berpendapatan agak tinggi terutama yang memiliki

jawatan dalam pentadbiran negeri. Akan tetapi dalam kalangan orang kampung, kemampuan untuk membeli banyak tanah dengan cepat agak terbatas kerana tidak mempunyai pendapatan yang tinggi. Oleh sebab itu, keluasan tanah milik keluarga untuk tanah kampung di jajahan-jajahan yang dikaji seperti jajahan Kota Bharu, Pasir Puteh dan Hulu Kelantan, didapati keluasan tanah yang dimiliki adalah kecil. Jadual 2 dapat memperjelaskan lagi keadaan pembahagian milik di ketiga-tiga jajahan tersebut.

**Jadual 2.** Pembahagian pemilikan tanah kampung pada 1940

Keluasan (ekar)	Jumlah Keluarga (%)			Jumlah Pemilikan Tanah (ekar)%		
	Kota Bharu	Pasir Puteh	Hulu Kelantan	Kota Bharu	Pasir Puteh	Hulu Kelantan
0	5(8.3)	58(19.3)	51(20.4)	—	—	—
0.1–1.0	14(23.3)	119(39.7)	115(46.0)	17.5(1.8)	110(18.5)	100(19.3)
1.1–5.0	15(25.0)	78(26.0)	62(24.8)	57(5.9)	158.2(26.6)	205(39.6)
5.1–10.0	1118.3	37(12.3)	18(7.2)	155(16.1)	180(30.2)	134(25.8)
10.1–20.0	7(11.7)	6(2.0)	4(1.6)	165(17.1)	98.3(16.5)	79.5(15.3)
20.1–40.0	4(6.7)	2(0.6)	—	380(39.4)	48.7(8.2)	—
40.1–60.0	3(5.0)	—	—	189.5(9.7)	—	—
Lebih 60.0	1(1.7)	—	—	—	—	—
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>300</b>	<b>250</b>	<b>964.0</b>	<b>595.2</b>	<b>518.5</b>

*Sumber:* Angka-angka yang dikumpul oleh penulis sendiri daripada Pejabat-pejabat Tanah Kuala Krai, Kota Bharu dan Pasir Puteh; dan dengan merujuk juga fail-fail *British Adviser of Kelantan, Setiausaha Kerajaan Kelantan* dan Mahkamah Tanah, 1940.

Berdasarkan tiga kawasan yang tertera dalam Jadual 2, ternyata pemilikan tanah di Kota Bharu lebih luas daripada di Pasir Puteh dan Hulu Kelantan. Seramai 60 keluarga memiliki sejumlah 964.0 ekar di Kota Bharu. Ini bermakna purata pemilikan di kawasan itu adalah 16.1 ekar bagi satu keluarga. Sebanyak 300 keluarga di Pasir Puteh memiliki tanah seluas 595.2 ekar atau kira-kira 1.9 ekar untuk satu keluarga, manakala sebanyak 250 keluarga di Hulu Kelantan pula memiliki 518.5 ekar atau rata-rata memiliki 2.1 ekar setiap keluarga. Bagi keluarga yang tidak mempunyai tanah pula, nampaknya di kawasan Kota Bharu hanya 8.3% sahaja yang tidak mempunyai tanah berbanding di Pasir Puteh sebanyak 19.3% dan 20.4% di Hulu Kelantan. Jika dilihat pada keluarga yang memiliki kurang daripada 5 ekar pula ternyata sebanyak 56.6% di Kota Bharu, 85.0% di Pasir Puteh dan 91.2% di Hulu Kelantan. Bagaimanapun bagi keluasan melebihi 10 ekar pula, di Pasir Puteh hanya terdapat 2.6% sahaja yang memilikinya manakala Hulu Kelantan sebanyak 1.6% keluarga. Akan tetapi bagi jajahan Kota Bharu jumlahnya lebih banyak iaitu terdapat 25.1% keluarga yang memiliki tanah seluas lebih 10 ekar.

Secara keseluruhannya jika dibandingkan pembahagian milik tanah antara ketiga-tiga kawasan tersebut, pegangan tanah oleh keluarga di jajahan Kota Bharu

didapati daripada 56.6% keluarga yang memiliki kurang daripada 5 ekar hanya menguasai 7.7% sahaja daripada seluruh tanah, sedangkan 85.0% keluarga di Pasir Puteh dan 91.2% keluarga di Hulu Kelantan masing-masing menguasai 45.1% dan 58.9% dari seluruh tanah. Walaupun begitu bagi keluasan lebih 10 ekar, sebanyak 25.1% keluarga di kawasan Kota Bharu telah menguasai 66.2% berbanding 24.7% daripada seluruh tanah di Pasir Puteh dan 15.3% di Hulu Kelantan. Jumlah tersebut menggambarkan bahawa keluarga di jajahan Kota Bharu yang memiliki lebih daripada 10 ekar tanah dapat menguasai hampir separuh daripada seluruh tanah di jajahan itu. Pemilikan tanah di peringkat kampung bukan sahaja terbatas kepada tapak rumah dan dusun bahkan juga tanah sawah dan kebun getah. Jika diperhatikan pada tanah sawah misalnya, sejak wujudnya Enakmen Rizab Melayu, tanah yang ditanam dengan padi meliputi kawasan yang luas iaitu sebanyak 170,000 hingga 180,000 ekar pada tahun 1930<sup>69</sup> akan tetapi bidang tanah yang dimiliki adalah lebih kecil daripada kawasan-kawasan penanaman getah yang berjumlah 87,941 ekar pada tahun 1930–1931. Hal ini kerana kawasan-kawasan padi merupakan kawasan yang telah lama diusahakan dan diwarisi secara turun-temurun. Tanah baru untuk penanaman padi jarang sekali dibuka. Dari segi daya beli pula kebanyakan petani padi tidak mempunyai pendapatan yang tinggi untuk memiliki tanah dengan cepat.

Sementara di kawasan penanaman getah, biasanya untuk mendapatkan tanah, mereka perlu meneroka tanah baru. Malah ada sesetengahnya telah diberi tanah mengikut kemampuan mereka untuk meneroka, dan ada dalam kalangan pekebun getah yang mampu membuka atau diberi tanah sehingga mencecah 100 ekar atau lebih. Oleh yang demikian, apabila peneroka tersebut meninggal, waris mereka masih boleh menerima tanah pusaka yang luas walaupun telah dibahagi-bahagikan. Dengan memiliki tanah yang luas, mereka akan memperoleh hasil yang banyak. Justeru, mereka mempunyai kemampuan untuk membeli tanah-tanah yang lain dan mengumpul banyak tanah. Selain melihat pemberian hak milik di peringkat bandar dan peringkat kampung, perlu juga dijelaskan kesan enakmen rizab terhadap pemberian milikan kepada pengusaha-pengusaha asing misalnya untuk tanaman getah. Kesan terhadap pemilikan tanah oleh pemilik estet getah dapat dilihat pada Jadual 3.

Jadual 3 menggambarkan keadaan kedudukan syarikat-syarikat asing dalam pemberian hak milik dan penguasaan ke atas tanah di negeri Kelantan setelah terlaksananya Undang-undang Rizab Melayu, 1930 dan Enakmen Tanah Kelantan 1938 yang dengan jelas memberi penekanan pada perkataan tanah, Melayu dan Anak Kelantan.<sup>70</sup> Walaupun Tanah Simpanan Melayu tidak mengisytiharkan kawasan-kawasan berpotensi sebagai kawasan simpanan Melayu seperti kawasan yang sesuai dengan tanaman getah namun memandangkan prospek yang ditawarkan oleh getah menyebabkan sebahagian

petani mula menanam getah di tanah baru dan juga di tanah yang dahulunya ditanam dengan padi huma. Perkembangan ini telah menyebabkan keluasan tanah pekebun kecil getah terus meningkat dan permohonan untuk menukar tanah sawah untuk penanaman getah juga meningkat.

**Jadual 3.** Pembahagian pemilikan tanah getah di Kelantan sehingga tahun 1940

Tahun	Estet Asing	Petani Melayu
1922	28,500 ekar	83,700 ekar*
1929	32,014 ekar **	35,635 ekar
1930	33,148 ekar	37,814 ekar
1931	33,998 ekar	58,789 ekar
1934	33,321 ekar	41,170 ekar
1940	33,670 ekar	61,489 ekar

Sumber: Lihat Lim Chong Yah, *Economic Development of Modern Malaya* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967) hlm. 330; Fail *British Adviser of Kelantan*, 260/1938; dan lihat juga, *Directory of Malaya*, 1929, hlm. 482–630.

\* Perlu dinyatakan bahawa keluasan kebun getah yang diusahakan oleh petani biasa adalah lebih rendah daripada angka ini kerana istilah pekebun kecil digunakan meliputi semua penanam getah yang memiliki kebun getah yang kurang daripada 100 ekar. Jadi angka ini juga merangkumi juga golongan pemodal tempatan yang mengusahakan ladang yang kurang daripada 100 ekar.

\*\* Pada tahun 1929 terdapat 14 syarikat asing yang telah diberi hak milik tanah seluas 60,069 ekar untuk pelbagai tanaman komersial termasuk getah seluas 32,014 ekar.

Oleh sebab itu, jumlah keluasan tanah yang diusahakan oleh petani Melayu untuk menanam getah sekitar tahun 1929 adalah kira-kira 35,635 ekar. Minat petani terhadap tanaman getah menyebabkan mereka bertindak menggadai atau menjual tanah terbiar agar dapat menyediakan wang dan peluang untuk mengusahakan getah.<sup>71</sup> Pada tahun 1934 pula, keluasan tanah pekebun kecil merosot kepada 41,170 ekar. Ini disebabkan sikap negatif pemerintah penjajah terhadap minat dan usaha pekebun kecil getah di Kelantan sehingga memberi kesan terhadap keluasan tanah petani Kelantan.<sup>72</sup> Walau bagaimanapun pada tahun 1940, pemberian hak milik tanah kepada pengusaha estet asing tidak mengalami perubahan yang besar, akan tetapi keluasan kebun kecil getah meningkat semula kepada 61,489 ekar kerana pemberian tanah terutama jika melibatkan Tanah Rizab Melayu dikawal oleh kerajaan melalui Enakmen Tanah Kelantan 1938. Buktinya pada tahun 1929 terdapat 14 syarikat asing di Kelantan yang memiliki tanah seluas 60,096 ekar dan sehingga tahun 1957 kesemua 14 syarikat asing itu masih memiliki keluasan yang sama.<sup>73</sup>

## KESIMPULAN

Penulisan perkataan "rizab Melayu" atau "penrizapan" dengan ketara pada permukaan dokumen hak milik bagi tanah milik yang termasuk ke dalam tanah rizab sebenarnya berfungsi sebagai notis sahaja. Penulisan perkataan itu sekadar untuk menarik perhatian pihak tertentu bahawa dokumen hak milik itu adalah

dokumen hak milik bagi Tanah Rizab Melayu itu sahaja. Pengisytiharan sesuatu kawasan itu sebagai tanah rizab adalah semata-mata untuk memastikan supaya tanah-tanah tertentu dalam negeri ini diberi milik hanya kepada orang-orang Melayu dan apa-apa kepentingan di dalamnya akan terus berada di tangan orang-orang Melayu. Apa yang dapat dinilai daripada dasar penjajah British yang mewujudkan enakmen tersebut adalah hasrat British yang menginginkan orang Melayu kekal dalam bidang pertanian dan menyisihkan diri daripada industri-industri moden. Secara keseluruhannya Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930 mengandungi beberapa bahagian penting; seperti bahagian 3 yang memberikan kuasa kepada Penasihat British untuk memilih dan mengumumkan kawasan rizab Melayu, bahagian 7 yang menegaskan bahawa tanah-tanah yang diwartakan sebagai rizab Melayu itu tidak boleh berpindah milik kepada bukan Melayu serta bahagian 8, 9 dan 10 yang telah meletakkan sekatan-sekatan hak milik dalam kawasan rizab Melayu.

Sejarah membuktikan, walaupun Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930 dilaksanakan, orang-orang Melayu masih meneruskan aktiviti penjualan tanah atau penggadaian tanah. Pemilik-pemilik tanah rizab Melayu juga mengadakan perjanjian sulit dengan orang bukan Melayu bagi menyewakan tanah mereka pada sekitar tahun 1930-an. Orang Melayu dilihat mudah terpesona dengan harga tanah yang mahal. Oleh sebab itu, jika merujuk kepada statistik yang dibuat oleh Ahmad Nazri (1977/1978) dalam bukunya, *Melayu dan Tanah: Tumpuan Khas kepada Tanah Simpanan Melayu*, dalam jangka masa 23 tahun (1947–1970) orang Melayu kehilangan sebanyak 674,906 hektar tanah simpanan Melayu atau purata 29,344 hektar setahun. Walaupun ada peruntukan untuk menggantikan tanah simpanan Melayu yang dibatalkan, tetapi hal ini tidak banyak berlaku. Malah, hanya dua buah negeri sahaja yang menambah tanah simpanan Melayu iaitu Kelantan dan Johor yang masing-masing menambah 590,004 hektar dan 30,600 hektar.

## NOTA

1. Hal ini kerana hampir semua mereka yang terlibat dengan proses pengumpulan tanah ini terdiri daripada orang Melayu. Lihat juga laporan *The Report of the Rice Cultivation Committee*, 2, 1931, hlm. 35, melaporkan bilangan orang berhutang di negeri Kelantan sememangnya ramai tetapi pemberi pinjaman wang daripada orang berketurunan Cina kurang terdapat di sana berbanding tempat-tempat lain.
2. *Legislation in Kelantan 1931* (Kota Bharu, Kelantan: Al-Assasiyah Press, 1932).
3. Kajian mengenai pengambilan tanah petani oleh golongan pedagang Cina dan India yang banyak berlaku walaupun Tanah Rizab Melayu diperkenalkan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, sebenarnya telah dikupas oleh Ahmad Nazri Abdullah, "Pelaksanaan dan Kesan Undang-undang Tanah Simpanan Melayu: Satu Tinjauan Ringkas," *Jurnal Sejarah*, 15 (1977/1978): 52.

4. Contohnya di Negeri Sembilan, pada akhir tahun 1930-an, hampir satu per tiga tanah di negeri itu dimiliki orang asing. Lihat Kassim Thukiman, "Orang Melayu, Tanah dan Kemiskinan," *Dewan Budaya* 18, no. 5 (1996): 16. Fenomena ini juga telah dibuktikan oleh Ahmad Nazri Abdullah dalam kajiannya. Lihat Ahmad Nazri Abdullah, "Perlaksanaan dan Kesan Undang-undang Simpanan Melayu".
5. Kenyataan ini dapat dilihat dalam tulisan Clive S. Kessler, *Islam and Politics in A Malay State Kelantan, 1838-1969* (Ithaca and London: Cornell University Press, 1978), 69. Di samping itu, kenyataan ini juga dapat dilihat dalam *The Report of the Rice Cultivation Committee*, 2 (1931): 35.
6. Pelaksanaan undang-undang tersebut terdapat dalam kenyataan S. K. Das, "The Torrens System in Malaya," *Malayan Law Journal Ltd.* (Singapura, 1993): 475.
7. Menurut kajian Das, maksud 'rakyat jati Kelantan' ialah sesiapa yang tergolong dalam salah satu daripada kumpulan berikut:
  - i. Sesiapa yang dilahirkan di Kelantan dan bapanya adalah orang Melayu;
  - ii. Sesiapa yang dilahirkan di Kelantan yang ibunya adalah orang Melayu dan bapanya orang Islam;
  - iii. Sesiapa yang dilahirkan di mana-mana sahaja yang bapanya adalah orang Melayu yang dilahirkan di Kelantan;
  - iv. Sesiapa yang dilahirkan di mana-mana sahaja yang kedua-dua ibu bapanya adalah orang Melayu dan telah menetap di Kelantan sekurang-kurangnya 15 tahun;
  - v. Sesiapa yang dilahirkan di Kelantan dan bapanya juga dilahirkan di Kelantan.

Menurut Das, seluruh negeri Kelantan kecuali kawasan Syarikat Pembangunan Duff telah diisytiharkan Tanah Rizab Melayu, Lihat Das, "The Torrens System in Malaya," 35-36.

8. Lihat Government of Kelantan, *Enactment No. 18 of 1930*, "The Malay Reservation Enactment, 1930," serial no. 8. "Reservation Land" pula bermaksud, *land situated within an area which has under the provisions of section 4 been declared to be included in a Malay Reservation*.
9. Misalnya, pada tahun 1931 semua tanah di jajahan Pasir Mas telah dijadikan rizab bagi anak-anak Melayu di bawah Undang-undang Simpanan Melayu. Tanah-tanah yang dipilih itu diberi milik kepada anak-anak Melayu sahaja. Pernyataan tersebut terkandung dalam pelan A seperti mana yang dapat dilihat dalam fail *Setiausaha Kerajaan Kelantan 1041/1938*. Disebutkan juga bahawa untuk kawasan-kawasan yang di luar kawasan Tanah Rizab Melayu, Ketua Jajahan memilih satu kawasan tanah seluas 180 ekar di mukim Bendang Nyior daerah Kusial jajahan Pasir Mas iaitu (tanah kerajaan sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan B dikatakan munasabah untuk bertanam getah dan pemilihan kawasan tersebut dipersetujui oleh sultan untuk dijadikan satu kawasan yang boleh diberikan kepada pemohon-pemohon yang bukan anak Melayu, lihat *Setiausaha Kelantan 1041/1938* (4 Oktober 1938).
10. Sepertimana yang telah dijelaskan pada bab terdahulu, selepas perjanjian tahun 1900 tersebut, satu lagi perjanjian telah dimeteraikan pada 1 Februari 1906 yang menyetujui satu pajakan yang dinamakan *Joint Lease No. 3* (iaitu tanah ini "*free of rent for the term of Six Mohammedan years from the ninth day of Rabiulawal 1327 and thereafter the sum of dollars Six Hundred and Twenty Seven and cents Fifty six shall be levied*" telah ditandatangani di antara Raja Kelantan dan W. H. Graham sebagai Penasihat Siam dengan Syarikat Pembangunan Duff. Pajakan tersebut melibatkan tanah-tanah di dalam jajahan Hulu Kelantan (Kuala Krai) dan sebahagian jajahan Machang yang pada masa itu di bawah jajahan Hulu Kelantan kepada Syarikat Pembangunan Duff selama 999 tahun. Tanah-tanah yang diberi milik kepada Syarikat Pembangunan Duff ialah pajakan No. 3 Mukim Kuala Pergau dengan Lot A (Lot 111) dan Lot B (Lot 113) pada 1 Februari 1906 secara pajakan selama 999 tahun. Pada 29 Februari 1912 kedua-dua lot ini dipindah milik kepada Kuala Pergau Rubber

Plantations dengan kelulusan raja. Semasa tanah ini diberi milik pada tahun 1906, Enakmen Tanah Negeri Kelantan belum digubal (enakmen ini baru digubal pada 17 Julai 1926 dan berkuat kuasa pada 1 Ogos 1926). Tanah-tanah ini seluas 1626 ekar bagi lot A (lot 111) dan 673 ekar bagi lot B (lot 113). Dalam Seksyen 37, Enakmen Tanah pertama negeri Kelantan memperuntukkan mana-mana tanah yang telah diduduki sebelum 1 Januari 1915 akan dikeluarkan hak milik geran bebas (*freehold*) mengikut borang A daripada enakmen tersebut. Jadi tanah yang diberi pajak kepada Duff itulah tanah desa yang diduduki sebelum 1 Januari 1915 bermula pada tarikh semua tanah milik akan dikenakan hasil mengikut Peraturan Tanah 1914 (walau bagaimanapun sebelum tahun 1915 tanah-tanah milik hanya dikenakan *produce taxes*).

11. Lihat *Kelantan Land Rules 1965*, 19–21.
12. Misalnya dalam kes Hanisah lawan Tuan Mat. Dalam kes ini, Hanisah membuat rayuan apabila Mahkamah Tinggi mengisytiharkan bahawa pindah milik tanah kepada pihak merayu (Hanisah) tidak sah dan batal. Ini berikutan daripada timbulnya persoalan sama ada beliau yang merupakan seorang perempuan berketurunan Cina yang dilahirkan di Singapura, yang telah dijadikan anak angkat seorang Melayu dan diberikan nama Melayu, Hanisah binti Abdullah atau Muhammad. Pihak menentang rayuan telah mendapat pengisytiharan Mahkamah Tinggi bahawa pihak merayu bukan seorang Melayu. Keputusan ini berdasarkan sepucuk surat daripada Setiausaha Kerajaan Negeri yang mengakui menerima keputusan daripada Majlis Mesyuarat Negeri bahawa pihak merayu bukan seorang Melayu. Walau bagaimanapun setelah pihak yang merayu membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan dan akhirnya rayuan itu diterima. Antara sebab rayuan itu diterima, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa surat daripada Setiausaha Kerajaan Negeri itu tidak mengikat ke atas Mahkamah kerana ia bukan satu keputusan sultan dalam Mesyuarat tetapi keputusan Majlis Mesyuarat Negeri dan pihak menentang rayuan juga gagal membuktikan bahawa pihak merayu seorang bukan Melayu dan bukan seorang *native of Kelantan*. Kes ini dipetik dalam *Malayan Law Journal*, vol. 1 (1970): 213.
13. Seksyen 10(4), Enakmen Rizab Melayu Kelantan, 1930.
14. Seksyen 7(i), 9A, Enakmen Rizab Melayu Kelantan, 1930.
15. Seksyen 7(i) dan (v), Enakmen Rizab Melayu Kelantan, 1930.
16. Walau bagaimanapun bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seperti Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan, pindah milik bersilang di antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu ke atas tanah yang telah dipecah sempadan dibenarkan. Bagi pajakan Tanah Rizab Melayu pula hanya dibenarkan kepada Menteri Besar. Lihat Seksyen 8(ii), Enakmen Tanah Rizab Melayu (*Federated Malay States*) 1933. Begitu juga dengan gadaian Tanah Rizab Melayu dibenarkan kepada Menteri Besar atau mana-mana orang yang ditentukan seperti dalam Jadual Kedua Enakmen Rizab Melayu, 1933 (iaitu Menteri Kewangan, Setiausaha Kerajaan Negeri, badan koperatif, bank dan badan pinjaman yang telah dipersetujui). Lihat, Seksyen 17 dan Jadual Kedua, Enakmen Tanah Rizab Melayu (*Federated Malay States*), 1933.
17. Lihat, Seksyen 7(i), 9 dan 10, Enakmen Rizab Melayu Kelantan, 1930.
18. Untuk keterangan lebih lanjut, rujuk Seksyen 12, Enakmen Rizab Melayu Kelantan, Seksyen 21, Enakmen Rizab Melayu Terengganu, Seksyen 6(2), Enakmen Rizab Melayu Kedah, Seksyen 5(ii), Enakmen Rizab Melayu Perlis dan Seksyen 20, Enakmen Rizab Melayu Johor.
19. Lihat kes Foo Say Lee lawan Ooi Heng Wai, dalam *Malayan Law Journal*, vol. 1 (1969): 47.
20. Untuk lebih jelas, lihat kes Tan Hong Chit lawan Lim Kim Wan, dalam *Malayan Law Journal*, 30 (1964): 113.
21. Enakmen Tanah Kelantan 1938, digubal bagi memperjelaskan lagi Enakmen Tanah Rizab Melayu 1930.
22. Sebanyak \$1000. Apabila pejabat Setiausaha Negeri Kelantan membuat penyiasatan, ternyata tanah tersebut dalam kawasan Tanah Rizab Melayu dan telah digadaikan kepada tauke tersebut

- dalam tahun 1935 (gadaian belum selesai lagi). Tanah ini asalnya dipunyai oleh Nik Mah binti Wan Ishak dan Nik Sin bin Haji Nik Leh dan dibeli oleh pemohon dengan harga \$600 yang kemudian digadaikan kepada We Hiang Tem dengan harga sebanyak \$600 juga dengan faedah \$12 sebulan. Sungguhpun digadai dengan faedah \$12 sebulan, tetapi tanah diperintah oleh tauke itu. Apa yang ingin dipaparkan di sini adalah tipu helah yang digunakan oleh tauke tersebut bagi memiliki tanah Rizab Melayu. Hasil siasatan yang dijalankan mendapati tanah tersebut sebenarnya telah dibeli oleh We Hiang Tem daripada tuan tanah asal. Disebabkan beliau berketurunan Cina, maka nama pemohon (yang merupakan pemandunya) digunakan untuk membuat jual beli tanah itu. Dengan demikian permohonan Sa'amah ditolak dan bila-bila masa boleh dituntut untuk dilelongkan mengikut bab (104) daripada Undang-undang No. 13, tahun 1931. Lihat fail *Setiausaha Kerajaan Kelantan*, 582/1938 (21 Mei 1938).
23. Sebenarnya isu penjualan dan pindah milik tanah sudah berlaku sejak lama dahulu dan sehingga kini perbuatan itu masih berterusan. Daripada kajian yang dibuat oleh pengkaji sekarang jelas menunjukkan tanah orang Melayu lebih tinggi kadar penjualannya berbanding tanah bukan Melayu. Perlu diakui bahawa kegiatan penjualan tanah yang berleluasa ini sudah pasti akan mendatangkan akibat yang buruk kepada orang Melayu dan generasi berikutnya kerana ada kemungkinan dalam masa 15 hingga 20 tahun lagi semua tanah milik orang Melayu akan tergadai jika perbuatan penjualan dan pindah milik tanah tidak dibendung dengan segera. Kajian yang menyentuh persoalan ini antaranya, A. F. Yassin, "Dilema Tanah Orang Melayu di Tanah Melayu," *Dewan Masyarakat* 17, no. 3 (Mac 1979): 25 dan Nik Abdul Rashid, "15 Tahun lagi Melayu Tergadai?", *Dewan Masyarakat*, 20, no. 11 (November 1982): 17.
  24. Bagaimanapun difahamkan penglibatan pelabur asing di negeri itu lebih rendah berbanding Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Jadi, kehilangan hak milik tanah golongan petani di negeri itu banyak berlaku antara petani kaya atau tauke-tauke (biasanya terdiri daripada orang Cina yang telah lama tinggal di Kelantan).
  25. Di jajahan Pasir Mas terdapat beberapa kawasan yang diletakkan di bawah Tanah Rizab Melayu seperti Gual Periok, Rantau Panjang, Sakar, Chetak, Kusial, Jedok, Kuala Lemal dan Bunut Susu. Lihat Government of Kelantan, *The Malay Reservations Enactment 1930*, 1930, 63–71.
  26. Di jajahan Pasir Puteh pula kawasan tersebut adalah bandar Pasir Puteh, Semerak dan Gong Dato'. Lihat Government of Kelantan, *The Malay Reservations Enactment 1930*, 63–71.
  27. Jajahan Hulu Kelantan, kawasan tanah rizabnya ialah Hulu Sat dan Panyit. Lihat Government of Kelantan, *The Malay Reservations Enactment 1930*, 63–71.
  28. Peruntukan-peruntukan yang menyekat dan mengecualikan bukan Melayu daripada sekatan itu ada dalam setiap Enakmen Tanah Rizab Melayu kecuali Enakmen Tanah Rizab Melayu Terengganu.
  29. Lihat *Berita Harian*, 9 Mac 1983.
  30. Sila rujuk Abdul Rahim Awang Kecik, "Tanah Rizab Melayu Hasrat Inggeris Ketika Merancang," *Dewan Masyarakat* 17, no. 7 (Julai 1979): 47–48. Menurut Nik Abdul Rashid, orang Melayu dianggap sebagai pemilik *de jure*, sedangkan orang bukan Melayu sebagai pemilik *de facto*. Lihat Nik Abdul Rashid, *Land Law and Land Administration*, 142.
  31. Enakmen Rizab Melayu 1933 menetapkan bahawa Tanah Rizab Melayu tidak boleh dipindah milik, dipajak ataupun dijual kepada mana-mana orang bukan Melayu dan dokumen pindah milik, cagaran atau pajakan yang bertentangan dengan seksyen ini tidak boleh didaftarkan dalam mana-mana pejabat tanah atau pejabat pendaftaran hak milik. Lihat bab 142, tahun 1933 (Revised Law) 1935. Lihat juga, Seksyen 7 dan 8, Enakmen Rizab Melayu tahun 1933 (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu).
  32. Meskipun begitu, menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad, orang Melayu patut malu dengan pemberian hak keistimewaan seperti Tanah Rizab Melayu ini. Beliau berpendapat hak



- keistimewaan Tanah Rizab Melayu bukan simbol ketuanan kerana hak Ketuanan Melayu sebenar hanya boleh dimiliki apabila mereka mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk menyaingi kaum Cina dan India dalam bidang ekonomi tanpa sokongan daripada kerajaan. Orang Melayu sepatutnya merasa malu dengan keistimewaan tanah rizab Melayu yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka kerana ia menunjukkan mereka masih lemah dan perlu dilindungi. Lebih lanjut lihat *Utusan Malaysia*, 23 Ogos 2004, Putrajaya.
33. Selain itu, sistem pegangan tanah di Sarawak juga telah mengakui hak istimewa kaum bumiputera terhadap tanah. Sebahagian besar tanah di Sarawak telah diwartakan sebagai kawasan tanah bumiputera yang hanya boleh dimiliki di bawah hak milik persendirian oleh kaum bumiputera. Manakala di Sabah pula, perizaban tanah untuk sesuatu bangsa atau masyarakat tertentu tidak wujud, tetapi sebidang tanah yang dimiliki oleh seseorang itu boleh ditukar kepada tanah hak milik bumiputera apabila diminta oleh tuan punya tanah itu atau semasa pemberian milik dibuat terhadap tanah itu. Lihat Ridzuan Awang, *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 297.
  34. *Federated Malay States*, No. 15 of the year 1913. Undang-undang ini dipinda pada tahun 1933 dan disemak pula pada tahun 1935 melalui 'Revised Law,' bab 142, *Federated Malay States*.
  35. Jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu ini terus meningkat pada tahun 1933 menjadikannya 1,274,927 hektar. Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh pengisytiharan kawasan-kawasan bekas lombong menjadi Tanah Rizab Melayu. Daripada jumlah tersebut, hanya 239,834 hektar sahaja yang dimiliki orang Melayu dan diusahakan dengan pertanian. Lihat, Ahmad Nazri Abdullah, "Fokus," *Dewan Masyarakat*, 20, no. 11 (November 1982): 14.
  36. Lihat Ahmad Nazri Abdullah, "Fokus," hlm. 14. Lihat juga, Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah: Tumpuan Khusus Kepada Tanah Simpanan Melayu* (Petaling Jaya: Media Intelek, 1985).
  37. Di Kelantan, hampir seluruh bandar Kota Bharu diisytiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu. Untuk melihat perkembangan Tanah Rizab pada masa kini, sila rujuk Nik Abdul Rashid, "Ke Arah Meningkatkan Nilai Tanah Rizab Melayu," *Seminar Ke Arah Meningkatkan Nilai Tanah Melayu*, (Kuala Lumpur, 1979), 5.
  38. Perbincangan mengenai tujuan Tanah Rizab Melayu diwujudkan boleh dilihat pada tulisan Abdul Rahim Awang Kekik, "Tanah Rizab Melayu Hasrat Inggeris Ketika Merancang," *Dewan Masyarakat*, 17, no. 7 (Julai 1979): 44. Bandingkan dengan penulis Barat, Willam, R. Roff, *Nasionalisma Melayu* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975), 157.
  39. Nik Abdul Rashid, *Land Law and Land Administration*, 150–151. Kategori-kategori Tanah Rizab Melayu yang disebut oleh beliau itu sebenarnya berdasarkan Undang-undang Tanah Simpanan Melayu 1913.
  40. Lihat ucapan Penasihat undang-undang Negeri-Negeri Melayu Bersekutu semasa membentangkan Enakmen Tanah Rizab Melayu, dalam FCP, 9 Julai 1913, Bab 24.
  41. Tanah kepunyaan orang-orang bukan Melayu tidak boleh diisytiharkan sebagai Rizab Melayu kerana perbuatan sedemikian ditegah oleh Perkara 89, Fasal 4, Perlembagaan Persekutuan. Hal ini kerana sebelum merdeka, tanah milik kepunyaan orang bukan Melayu boleh diisytiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu.
  42. Berbeza dengan Johor dan Terengganu, kedua-dua negeri itu tidak berasaskan model Enakmen Rizab Melayu Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
  43. Walaupun peruntukan kawasan yang diisytiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu terdapat di semua negeri, tetapi caranya agak berbeza. Bagi Enakmen Rizab Melayu Negeri-Negeri Bersekutu Bab 142, pengisytiharan dibuat oleh Menteri Besar dengan kelulusan Raja dalam Mesyuarat. Manakala di Terengganu pula, seperti juga Kelantan, pengisytiharan dibuat oleh Raja dalam Mesyuarat.

44. Dalam perkara ini, kuasa menimbang dan meluluskan terletak pada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan bukannya Sultan (Raja) dalam Mesyuarat.
45. Lihat Government of Kelantan, *Enactment No. 2 of 1938* dan *Enactment No. 9 of 1938*.
46. Bagaimanapun satu-satunya negeri yang benar-benar menyekat orang bukan Melayu daripada diberi tanah milik kerajaan dalam kawasan Rizab Melayu adalah Terengganu. Contohnya Perbadanan Menteri Besar, Majlis Ugama Islam dan Adat-istiadat Melayu Terengganu, Bank Bumiputra Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Terengganu, tidak disifatkan sebagai Melayu. Meskipun begitu mereka boleh membeli tanah pegangan Melayu dengan syarat mendapat kelulusan daripada Sultan dalam Mesyuarat.
47. Seksyen 6, Enakmen Rizab Melayu 1913.
48. Lihat Government of Kelantan, *Enactment No. 7 of Kelantan*.
49. Lihat *Federated Malay States Land Reservation of the Year 1939*.
50. Ia diisytiharkan melalui *Warta Kerajaan Bil. 35/32*.
51. Lihat *Minute Paper no. 1041/38*.
52. Lihat fail *Setiausaha Kerajaan Kelantan*, bil 1041/38.
53. Nik Abdul Rashid, *Land Law and Land Administration*, 142.
54. Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Mesyuarat Majlis Bersekutu dalam, *The Malay Weekly Mail*, 15 Januari 1931, R. C. Crussen, selaku Penasihat undang-undang juga berpendapat walaupun enakmen tersebut dijalankan namun rakyat masih menjual tanah untuk dijadikan cagaran.
55. Walaupun pemberian hak milik masih dikeluarkan kepada pengusaha asing, namun sejak penubuhan *Registers and Extracts of Mukim*, dan isu hak milik kekal untuk pekebun kecil (*small holdings*) jumlahnya sangat banyak bermula di daerah-daerah pantai. Untuk keterangan lebih lanjut lihat *Annual Report of Kelantan, 1930*, 1930, 32–37.
56. Untuk keterangan lebih lanjut lihat *Annual Report of Kelantan, 1930*, hlm. 32–37.
57. Lihat *Annual Report Kelantan, 1931*, 1931, 48.
58. Lihat fail-fail *Setiausaha Kerajaan Kelantan, 1930* dan *1931*; lihat juga *British Adviser of Kelantan, 1930–1931* dan *Annual Report Kelantan, 1931*, 47–48.
59. Lihat *Annual Report Kelantan, 1931*.
60. Bagaimanapun didapati sehingga tahun 1931, tidak banyak tanah yang boleh diberi milik dalam daerah Kota Bharu dan Pasir Puteh kerana hutan-hutan dara di dalam kawasan itu masih besar dan dijangkakan mempunyai prospek yang baik untuk pelbagai bentuk pertanian di bahagian selatan dan barat negeri itu.
61. Maksudnya orang-orang Melayu dan bukan Melayu yang lahir di Kelantan yang disifatkan sebagai rakyat Raja dan Anak Kelantan. Lebih lanjut lihat tulisan Tuan Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan, 5 Julai 1930 apabila Enakmen Tanah Rizab Melayu Kelantan hendak digubal. Rujuk *Kelantan Land Acquisition Enactment No. 63/1930*.
62. Untuk bukti jumlah tanah yang dimiliki, sila rujuk surat-surat permohonan dalam fail *British Adviser of Kelantan, 1930–1941*, fail *Setiausaha Kerajaan Kelantan, 1930–1931* dan surat-surat permohonan dalam fail *Mahkamah Tanah, 1937–1941. Annual Report Kelantan, 1931*, hlm. 3.
63. *Annual Report Kelantan, 1931*, hlm. 3.
64. Lihat "Population of Kelantan According to Census" dalam *Annual Report on Social and Economic Progress of People of Kelantan, 1933*, (Kelantan: Al-Asasiyah Press Co., 1933), 5.
65. Untuk lebih jelas tentang kawasan-kawasan perolehan golongan raja dan kerabat diraja, lihat Lampiran 5 (*Kelantan Land Acquisition Enactment No. 8 of 1934*).
66. Sebab itulah tidak dapat dielakkan sesetengah pemilik dikira lebih daripada sekali, contohnya nama Awang terdapat dalam daftar di tiga bahagian, maka ia akan dikira tiga kali kerana dalam kes seperti ini akan dianggap nama boleh serupa tetapi orangnya mungkin berbeza.
67. Untuk lebih jelas, lihat *Kelantan Land Acquisition Enactment No. 8 of 1934*.

68. Disini akan dipaparkan beberapa contoh bagaimana proses pemilikan tanah pada masa itu:
- Kes pertama: Abdullah bin Ismail, Kerani Pejabat Tanah Hulu Kelantan, memohon kebenaran membeli tiga ruangan tanah lot no. 311/351, 311/353 dan 310/354 mukim Bandar Kuala Krai daripada Mariam binti Seman dengan harga \$400. Kemudian memohon kebenaran gadai kepada Mahadip dengan harga \$300, lihat fail *Setiausaha Kerajaan Kelantan*, 204/30.
- Kes kedua: Leh dari Kampung Lopor, memohon tanah kerajaan lot no. 119/1253 di Mukim Lubok Kawah kerana menanam getah. Dibenarkan memiliki tanah itu dengan bayaran premium \$30 seekar dan bayar hasil \$1.20 seekar untuk setahun. Lihat *Setiausaha Kerajaan Kelantan*, 196/112/1930.
- Kes ketiga: K. R. Pillary memohon untuk membeli di tanah lot No. 199 Bandar Kuala Krai sekali dengan rangka rumah batu daripada Mamat bin Karim dengan harga \$3500. Lihat *Setiausaha Kerajaan Kelantan*, 87/266/1930.
- Kes keempat: Mat bin Hj. Taib, memohon kebenaran menjual tanahnya di lot No. 422/969 Kampung Sireh, Kota Bharu kepada Lua Chang Eng (tanah itu telah digadai padanya). Lihat *Setiausaha Kerajaan Kelantan*, 190/542/1930.
69. Jumlah keluasan itu juga dapat disaksikan di Padang Pa'amat daerah Pasir Puteh antara tahun 1932 hingga 1933 dimana luas kawasan meliputi 147,330 ekar tanah iaitu 110,120 ekar untuk padi cedongan. Lihat *Annual Report Kelantan, 1930*, hlm. 11.
70. Bila enakmen ini dikuatkuasa, kebanyakan kawasan di dalam negeri Kelantan diisytiharkan sebagai rizab Melayu. Oleh sebab itu, tanah-tanah di Kelantan hanya boleh diberi milik atau dipindah milik kepada seseorang Melayu dan Anak Kelantan. Bagi orang bukan Melayu dan bukan anak Kelantan yang ingin memiliki tanah dalam negeri Kelantan hendaklah membuat permohonan kepada raja di bawah Seksyen 13A Enakmen Tanah Rizab dan Seksyen 10(4) Enakmen Tanah Kelantan 1938. Bagi pemberian milik, sekatan ini terkandung dalam Seksyen 9 Enakmen Tanah 1938.
71. Minat petani Kelantan untuk menanam getah jelas dinyatakan dalam laporan Timbalan Pegawai Daerah Pasir Mas pada tahun 1931, iaitu "sejak tahun 1924–1928 tiada siapapun berminat mengusahakan tanah padi. Malah tanah padi digadai atau dijual ataupun dijadikan tanah terbiar untuk mengusahakan tanaman getah." Lihat fail *British Adviser of Kelantan*, 427/1931. Malah terdapat juga dalam kalangan rakyat yang menduduki tanah kerajaan seperti kawasan simpanan Melayu untuk menanam tanaman getah seperti kes Ali bin Mis yang didakwa di mahkamah atas tuduhan mengusahakan tanah kerajaan tanpa mendapat kebenaran daripada kerajaan Kelantan. Dalam kes ini bukan sahaja Ali yang didakwa, malah penggawa dan penghulu turut didakwa kerana tidak membuat 'report rakyat'. Mereka didapati bersalah dan masing-masing dikenakan denda \$50 ke atas Ali dan \$25 kepada penggawa atau penghulu. Lihat fail *British Adviser of Kelantan*, 178/1931.
72. Lihat isi kandungan surat Pengarah Pertanian Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam, fail *British Adviser of Kelantan*, 427/1931.
73. Menurut kajian Chander pada tahun 1969, daripada 40,263 ekar tanah ladang getah di Kelantan, 18,535 ekar (46.1%) milik warganegara Malaysia, 19,734 ekar (49%) milik Britain dan 1,190 ekar (4.9%) milik warganegara Singapura. Lihat, R. Chander, 1965, *Buku Maklumat*, (1965), 30 (rujuk Jadual 3.6).

**RUJUKAN**

- Nik Abdul Rashid Nik Abdul Majid. 1971. *Land law and land administration*. Mimeograph, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya.
- Roff, W. R. 1967. *The origins of Malay nationalism*. New Haven and London: Yale University Press.
- Wong, D. S. Y. 1977. *Tenure and land dealings in Malay states*. Singapore: Singapore University Press.